

AMALAN PENGURUSAN DAN SKOP BIDANGKUASA MUTAWALLI DI INSTITUSI PENDIDIKAN PONDOK DI KEDAH

Jasni Sulong & Azizan Abdul Rahman

ABSTRACT

Mutawalli plays a significant role in the administration of waqf property. The role is either upon individual or institution that hold accountability in order to ensure the waqf property is administered in line with the shariah as well as the intention of waqf initiator towards beneficiaries. The mistake of appointing an unqualified mutawalli may result a misused of the property as his/her personal goods. The study was conducted on four pondok in Kedah, investigating the role that was played either from the perspective of primary mutawalli or of sub-mutawalli in ensuring the wakaf property is beneficial. The methodology of the study is using qualitatively method which involves content analysis. The study found that waqf document should be registered under MAIN which emphasized the intention of waqif. The appointment of sub-mutawalli should also be documented to ensure transparency as well as to explain the jurisdiction in sustaining the development of waqf property. In a meantime, there should have a third party to monitor shariah-compliant of the waqf asset. This is because there are aspects of wages, administrative expenses, purchasing and replacement of assets (istibdal) that related to the management of waqf property under mutawalli.

Keywords: *Property, waqf, mutawalli, administration, pondok*

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
jasni@usm.my
darulmuafa@gmail.com

PENDAHULUAN

Pendidikan adalah kunci kepada ilmu dan Islam datang dengan menekankan pembacaan sebagai jalan untuk mendapatkan ilmu. Sejarah Islam menonjolkan kemajuan ilmu dan pendidikan apabila tercatat pembinaan gedung-gedung perpustakaan yang besar, helaian penulisan yang merubah warna laut dan ramainya cendekiawan dalam agama. Semua ini bermula dengan satu asas yang bersifat kekitaan melalui penubuhan institusi wakaf.

Menurut Abu Zahrah (2009), wakaf dari segi bahasa bermaksud menahan dan menegah. Manakala, wakaf menurut istilah ialah menahan harta dengan cara mewakafkannya daripada transaksi yang lain seperti jual beli, hibah dan sebagainya, dengan menumpukan penggunaannya kepada menghasilkan manfaat kepada anggota masyarakat. Dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kedah 2008, wakaf didefinisikan sebagai apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan khairat sama ada sebagai wakaf 'am atau wakaf Khas menurut hukum syarak. Dalam menikmati manfaat harta wakaf ini, pengurus kepada harta wakaf adalah disebut mutawalli.

Mutawalli Wakaf

Mutawalli merujuk kepada pengurus harta wakaf yang bertugas bagi pihak negara untuk memastikan maksud harta tersebut tidak disalahguna. Al-Zarqa' (1999) menyebutnya sebagai badan perundangan (شخصية حكمية) yang memastikan tujuan wakaf tercapai. Sejak zaman awal, terdapat seseorang atau kumpulan yang akan menguruskan pentadbiran harta wakaf ini. Mengulas hal ini, al-Jasir (2012) menyatakan pewakaf seharusnya melantik sekurang-kurangnya seorang atau lebih untuk menguruskan harta wakaf terutama memastikan harta tersebut berkembang dengan teratur selepas kematianya.

Konsep mutawalli adalah memastikan harta tersebut kekal berperanan sebagai harta wakaf. Al-Asqalani (1989) mencatat bahawa Rasulullah s.a.w telah menegaskan kepada Saidina 'Umar bin al-Khattab r.a bahawa tanah yang diwakafkannya di Bayruha' adalah tidak boleh dijual, diwarisi dan dihibahkan. Sebaliknya, hasil dan manfaat yang diperolehi melalui sumber wakaf berkenaan diagihkan kepada mereka yang layak untuk menerimanya.

Walau bagaimanapun, pengurus wakaf diharuskan untuk mengambil sebahagian daripada hasil dan manfaat harta wakaf bagi tujuan upah. Hal ini adalah berdasarkan kepada riwayat Ibn Umar r.a yang berkata (Bukhari, t.t.):

لَا جُنَاحَ عَلَىٰ مَنْ قَرِيبَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ، أَوْ يُطْعِمَ صَدِيقًا، غَيْرَ مُتَّقِولٍ فِيهِ

“...dan tidak menjadi kesalahan ke atas mereka yang menguasainya untuk makan dengan cara yang baik atau memberi makan kepada sahabat bukan tujuan untuk mengkayakan dirinya”.

Berhubung dengan pelantikan *mutawalli* sebagai pemegang amanah, al-Zuhayli (2007) menegaskan para fuqaha' telah bersepakat menyatakan harus bagi seseorang pewakaf melantik pemegang amanah bagi menguruskan harta wakafnya. Ia bertujuan untuk memantau pengurusan harta wakaf supaya menepati dengan hukum syarak dan kehendak pewakaf. Dalam amalan Sahabat, Saidina Ali pernah melantik kedua orang anaknya iaitu Hassan dan Hussain sebagai pemegang amanah yang memantau pengurusan harta wakaf.

Syarat yang diletakkan oleh pewakaf adalah penting untuk dipatuhi dan diraikan. Dalam hal ini, Jasir (2012) dan Abu Zahrah (1996) menegaskan keutamaan mematuhiinya adalah selari dengan pernyataan:

شرط الواقف كنص الشرع

“Syarat yang diletakkan oleh pewakaf adalah seperti nas syarak”.

Justeru, tiada orang lain yang akan memantau syarat yang telah digariskan oleh pewakaf melainkan oleh *mutawalli*. Kuasa memantau dan mengawasi ini disebut oleh al-Razi (1996) sebagai satu bentuk bidangkuasa (الولاية). Berdasarkan Surah al-Anfal ayat 72, wilayah ini merujuk kepada penguasaan dan perlindungan, manakala *mutawalli* merujuk kepada orang yang diberi kuasa atau *tawliyyah*. Abu Zahrah (2009) menyatakan *mutawalli*

ialah individu yang dilantik dan menerima kontrak sebagai pengurus sesuatu tugas. Atas perlantikan ini, al-Jamal (2007) menjelaskan *mutawalli* memikul amanah atau nazir amanah ke atas harta yang diwakaf tersebut. Rumusan ini selari dengan pandangan al-Nawawi (1996) dan Abū Zahrah (2009).

Mutawalli Berdasarkan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri

Di Malaysia, pengurus harta wakaf dipertanggungjawabkan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Enakmen Pentadbiran Agama Islam setiap negeri ada memperuntukkan bahawa MAIN adalah pemegang amanah tunggal bagi semua harta wakaf Islam di negara ini sama ada wakaf am ataupun wakaf khas. Misalnya Seksyen 52, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Kedah 2008 ada memperuntukkan:

Walau apapun apa-apa peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau perisyiharan yang mewujudkan mengawal, atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal:

- a) Semua wakaf, sama ada wakaf ‘Ām atau wakaf Khās;
- b) Semua nazr am;
- c) Segala jenis amanah yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan Agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut hukum syarak.

Semua harta ini sebaik sahaja didaftarkan sebagai harta wakaf, maka ia tidak boleh lagi dilakukan apa-apa pindah hak, serah hak, atau pindah milik (Seksyen 53).

Sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf, MAIN bertanggungjawab untuk memelihara, membangun dan menguruskan harta wakaf dengan sebaiknya. Bidangkuasa ini termasuklah mengusahakan harta tanah, mempertahankan dan mengambil tindakan mahkamah bagi kepentingan wakaf tersebut, mengumpul dan mengutip hasil, menuntut sewa bagi harta tanah yang diduduki, dan menguruskan pembahagian atau penyerahan hasil/manfaat wakaf itu kepada pewaris yang dikhaskan oleh pewakaf ataupun untuk pelbagai tujuan kebajikan (JAWHAR, 2009). Justeru, segala perkara yang berkaitan dengan pengurusan, pentadbiran dan pembangunan harta wakaf di sesebuah negeri mestilah melalui bahagian pengurusan wakaf MAIN.

Perkara utama dalam bidangkuasa mutawalli ialah memastikan pendaftaran harta tersebut sebagai harta wakaf. Manat (2007) berpendapat pendokumentasian harta wakaf adalah penting supaya tidak timbul sebarang kesulitan pada masa hadapan. Keperluan dan kepentingan mendokumentasikan pemilikan harta tanah ini penting dan termaktub dalam Kanun Tanah Negara (Akta No. 56 tahun 1965) ke atas kuasa pemilik, di mana Seksyen 416C KTN:

“(1) Jika sekiranya keseluruhan atau sebahagian mana-mana tanah berimilik yang dipegang oleh pemindah diduduki, digunakan, dikawal atau diuruskan oleh penerima pindahan di bawah apa-apa hak atau kelayakan yang diperolehi dengan cara derma, hadiah, warisan, kebenaran, persetujuan, atau apa-apa cara yang lain, dari pemindah atau mana-mana pendahulu dalam hakmilik pemindah untuk apa-apa maksud statutori penerima pindahan sebelum sahaja peletakhkan statutori berkuatkuasa, hak penerima pindahan kepada pendudukan, penggunaan, kawalan, atau pengurusan tersebut hendaklah, atas pemohonan secara bertulis olehnya kepada pendaftar, diendorskan atas dokumen hakmilik daftaran kepada tanah, jika Pendaftar berpuas hati bahawa peletakhkan statutori tentang hak atau kelayakan tersebut pada penerima pindahan telah dikuatkuasakan. (2) Hak yang diendorskan di atas dokumen hakmilik daftaran di bawah subseksyen (1) hendaklah berkuatkuasa dari tarikh bilamana peletakhkan statutori itu berkuatkuasa dan akan kekal pada seluruh tempoh hakmilik itu dan hendaklah mengikat setiap tuan punya tanah yang kemudian”.

Manakala perkara kedua yang utama tentang harta wakaf ialah mengenai perkembangan dan pembangunan harta wakaf. Pada hari ini, harta wakaf bukan terhenti kepada harta tanah seperti masjid dan kubur, tetapi ia telah

berkembang sehingga menjadi harta dalam bentuk wakaf korporat hingga berjaya memperkasa ekonomi umat Islam (Omar 2016). Realitinya, institusi wakaf mampu menjadi agen transformasi terhadap pembangunan ekonomi ummah sebagaimana pencapaian wakaf korporat Al-Nur yang diwujudkan pada 2006 oleh Johor Corporation (J-Corp) dengan nilai harta sekitar RM250 juta pada 2006. Kemudian ia meningkat kepada RM700 juta pada akhir tahun 2015.

Mutawalli dalam Amalan Pengurusan Harta Wakaf

Di Tanah Melayu, mutawalli telah memainkan peranan dalam pengurusan harta wakaf. Menurut Ngadimon (2015), suatu ketika dahulu amalan dan pengurusan wakaf adalah diserahkan kepada *mutawalli* yang terdiri daripada ketua kampung, imam dan ahli jawatankuasa kampung. Pimpinan peringkat kampung ini menjadi pemegang amanah dan melaksanakan pengurusan harta wakaf seperti masjid dan tanah kubur dengan baik.

Cuma perlantikan mutawalli dahulu adalah mengikut jawatan kepada jawatankuasa kariah atau kampung, dan tidak berlaku secara langsung sebagai mutawalli kepada harta wakaf melainkan dalam kes perwakafan tanah untuk surau atau masjid. Begitu juga perwakafan tanah untuk tujuan pendidikan, misalnya tanah-tanah yang berada di sekitar masjid kepada tuan guru Pondok. Tuan-tuan tanah mewakafkan untuk tujuan pelajar yang datang dari jauh untuk mendirikan pondok, menginap secara sementara. Bagaimanapun, kaedah perwakafan begini dibuat kadangkala secara lisan dan tiada dokumen bertulis menyebabkan apabila pemilik tanah meninggal dunia, waris si mati menuntut untuk pembahagian harta pusaka. Saksi yang ada hanyalah antara tuan guru dan pemilik harta, dan ini menyulitkan proses pembuktian untuk mengekalkan harta tersebut sebagai harta wakaf.

Keterangan ini menunjukkan bahawa amalan berwakaf, menyerahkan harta kepada mutawalli kampung dan dilakukan secara lisan sudah lama diperaktikkan. Hassan et. al (2014) menyokong bahawa amalan berwakaf sebegini telah lama diperaktikkan di Tanah Melayu sejak lebih daripada lapan ratus tahun yang lalu. Majoriti mutawalli pada ketika itu adalah terdiri dalam kalangan para ulama, imam, penghulu dan ahli jawatankuasa masjid. Mereka ini dilantik kerana mengetui kepimpinan kariah yang tentunya boleh dipercayai, beramanah, ikhlas dan disanjung dalam masyarakat.

Terdapat tanah yang diserahkan yang masih atas nama pemilik tanah dengan akad lisan tanpa dilakukan pindahmilik kepada institusi seperti masjid atau pusat pengajian agama. Ini kerana undang-undang pada awal dahulu tidak mensyaratkan supaya setiap harta wakaf mesti didaftar atas nama pemegang amanah. Fenomena ini berterusan sehingga Enakmen harta wakaf memperuntukkan bahawa semua harta wakaf dipertanggungjawabkan kepada MAIN sebagai pemegang amanah tunggal (Ismail 2012). Walaupun pelantikan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal bukanlah suatu ketetapan syarak, namun keabsahannya adalah mempunyai kuatkuasa undang-undang di negara ini. Berdasarkan bidangkuasa ini, MAIN mempunyai upaya dan kuasa untuk memastikan setiap harta wakaf menjadi lebih efisien dengan manfaat dari harta wakaf dapat disalurkan untuk pembangunan ekonomi umat Islam dengan lebih baik.

Jawatan nazir juga termasuk dalam kalangan mereka yang bertanggungjawab sebagai mutawalli. Menurut Hashim dan Ab Rahman (2013), nazir yang bertugas di bawah MAIN juga bertanggungjawab dalam pengurusan pembangunan harta wakaf sekiranya ia dimasukkan di bawah skop tugas mereka. Misalnya dalam amalan di MAIWPKL, nazir telah membangunkan harta wakaf menerusi kaedah *build, operate and transfer* (B.O.T) supaya harta wakaf yang ditinggalkan terus hidup dan berkembang dan tidak menjadi harta terbiar. Kecekapan mutawalli juga perlu lebih di mana mereka juga perlu menyimpan rekod-rekod harta wakaf, penyeliaan harta berkenaan dan integriti pengurusan. Menurut Abdul Khalim dan Zakaria (2012), harta wakaf adalah harta orang awam yang perlu kepada pengurusan yang cekap dan berintegriti supaya hak ini tidak diseleweng dengan tidak sengaja.

Berdasarkan kepentingan pengurusan harta wakaf yang lebih berkesan, peranan mutawalli pada hari ini bukan terhenti setakat MAIN sebagai pemegang amanah tunggal yang menjadi mutawalli induk, malah ia memerlukan juga kepada mutawalli cabang yang menjalankan pengurusan harta wakaf bagi pihak MAIN. Mengulas hal ini, Ab Rahman (2009) menyatakan MAIN boleh melantik mana-mana pihak untuk menjalankan tugas bagi pihaknya seperti memasukkan dalam sko tugas nazir dan jawatankuasa kariah. Malah pada hari ini, penubuhan JAWHAR

pada 27 Mac 2004 mempunyai tujuan yang sama iaitu bagi memperkasakan lagi institusi pengurusan dan pentadbiran wakaf negeri-negeri agar lebih tersusun dan bersistematik.

Mutawalli adalah wakil kepada pewakaf, dan ia meneruskan niat asal pewakaf ke atas harta yang diwakafkan supaya selari dan berterusan. Mengulas hal ini, Laldin et. al (2008) menjelaskan bahawa skop tugas mutawalli adalah memastikan *maqasid syariah* dalam pelaksanaan wakaf adalah berterusan. Ini kerana sesuatu harta wakaf hendaklah memberi manfaat kepada orang awam dan pada masa yang sama induk harta tersebut kekal. Justeru, mutawalli tidak boleh melakukan jual beli, pindahmilik harta dan apa-apa transaksi yang tidak dibenarkan ke atas harta wakaf. Melainkan dalam konteks *istibdal*, sekiranya harta wakaf tersebut bermasalah untuk dimanfaatkan. Pada sisi yang lain, pembangunan harta wakaf dalam aspek menjadikan harta tersebut dapat memberi manfaat kepada orang awam atau beneficiari perlu dilipatganda agar ia berterusan.

Mutawalli Wakaf Pondok di Kedah

Kajian Abdul Latif et. al (2008), menunjukkan harta wakaf di Kedah diletakkan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dengan memperuntukkan MAIK sebagai pemegang tunggal amanah harta wakaf. Bahkan, perkara ini dijelaskan melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah, No. 9, Tahun 1962. Berdasarkan kajian Abdul Latif et. al (2008) menjelaskan kebanyakan harta-harta bagi wakaf pendidikan di negeri Kedah adalah dalam bentuk tanah.

Mengikut rekod, institusi pendidikan wakaf dalam negara kini dianggarkan melebihi daripada jumlah 174 buah (Ab Rahman 2009) yang terdiri daripada pondok, madrasah, Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR). Harta wakaf tersebut dalam pelbagai bentuk seperti wakaf tanah, wakaf asrama (pondok-pondok kecil), wakaf bangunan dan peralatan pembelajaran, wakaf sara hidup dan lain-lain (Mohd Taib et al. 2017). Malah ramai tokoh cendekiawan Islam pada sekitar tahun 1850 hingga 1935 adalah lahir daripada sistem pendidikan wakaf ini. Di Kedah, Sultan Ahmad Tajuddin al -Mukarram Syah dan Sultan Abdul Hamid Halim Syah amat menggalakkan institusi pendidikan wakaf berkembang ke seluruh Kedah. Malah Maktab Mahmud yang ditubuhkan pada 1936 di Alor Setar adalah inisiatif Tunku Mahmud ibni al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin al-Mukarram Syah di mana sebahagian pengurusannya dibiayai melalui hasil sumbangan wakaf tanah seluas 122 relung (Mohd Taib et. al. 2017). Hakikatnya, institusi pondok yang didirikan secara wakaf telah bermula dengan sejak akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20.

Institusi agama ini telah diusahakan oleh tuan-tuan guru (Sulong 2015) yang kebanyakannya pulang dari negara-negara Timur Tengah seperti Mekah, Mesir, Palestin, Syria dan Iraq. Di Negeri Kedah, institusi pengajian pondok juga berkembang melalui penghijrahan tuan- tuan guru dari wilayah Pattani akibat krisis politik di Selatan Thailand sekitar tahun 1831-1832 Masihi (Muhamad Rawi et.al. 2015).

Hasilnya di Negeri Kedah terdapat lebih daripada tiga puluh buah institusi pengajian pondok. Antara institusi berkenaan iaitu Pondok Pulau Pisang, Tunjang, Kedah yang diasaskan oleh Tuan Guru haji Ishak bin Muhammad al-Fathani (1771-1871 M). Pondok berkenaan dikatakan pondok yang tertua di Negeri Kedah (Muhammad Salleh 2019). Kemudian Tuan Guru Hussain Kedah juga dikatakan menjadi salah seorang daripada tuan-tuan guru yang terawal membuka beberapa institusi pengajian pondok di Negeri Kedah, antaranya iaitu Pondok Alor Ganu (1890-1897 M), Pondok Bohor (1890-1912 M), Pondok Bagan Ulu, Pantai Merdeka (1912-1920 M), Pondok Selengkoh, Sungai Limau (1920-1924 M), Pondok Batu 16, Padang Lumat (1924-1929) (Zainal Badri 2014).

Dari sudut pengurusan dan pentadbiran institusi pengajian pondok di Negeri Kedah pula berjalan dengan lancar kerana Ahli Lembaga Pentadbir adalah terdiri daripada pengasas pondok dan masyarakat setempat. Kebanyakan pondok di Negeri Kedah dibina atas tanah yang diwakafkan oleh orang perseorangan kepada tuan guru yang mengusahakan pondok berkenaan selain daripada tanah persendirian (Siren et. al. 2018). Pentadbiran dan Pengurusan pondok banyak bergantung kepada sumbangan orang ramai dan hasil pendapatan yang peroleh melalui tanah wakaf seperti sawah padi, kebun dan ladang. Untuk itu, Ahli Lembaga Pentadbir dilantik sebagai mutawalli bagi menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan pondok dan pengurusan tanah wakaf. Pelantikan Ahli Lembaga Pentadbir berkenaan bagi memastikan pondok dan tanah wakaf diurus tadbir dengan baik, cekap dan amanah (Mohamad Rawi 2015; Abd Latiff et al. 2008; Ab Rahman 2009).

Bagaimanapun terdapat juga beberapa isu teknikal dalam pengurusan harta wakaf pondok oleh mutawalli di Kedah. Misalnya dalam kes Pondok Makarimul Akhlak yang ditubuhkan pada tahun 1953, wakaf yang diberikan oleh masyarakat setempat kepada Allahyarham Tuan Guru Haji Abdullah bin Yusof sebagai mutawalli hanya dilakukan secara lisan tanpa dokumen bertulis. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya konflik daripada pihak waris ke atas tanah wakaf pondok berkenaan disebabkan dokumen wakaf masih atas nama pewakaf. Akibatnya menurut Mumtaz Juhdi (2018), harta wakaf berkenaan terpaksa diserahkan kembali kepada keluarga si mati dan melalui rundingan, pihak madrasah (yang sebelum ini adalah pondok) dikehendaki membayar jumlah tertentu kepada waris terlibat sebagai nilai kepada bahagian harta pusaka mereka.

Walaupun pelaksanaan wakaf yang dilakukan secara lisan tersebut adalah sah dari sudut hukum syarak, namun pembuktian untuk wakaf secara lisan sukar untuk dilakukan lebih-lebih lagi ramai saksi telah pun meninggal dunia. Dalam hal ini, tindakan untuk menukar nama dan mendaftarkan sesuatu harta wakaf kepada Majlis Agama Islam adalah perlu menjadi keutamaan semua pihak. Ini sesuai dengan kaedah fekah yangmenegaskan, "Tidak sempurna sesuatu perkara yang wajib kecuali dengannya maka melaksanakan perkara tersebut juga adalah menjadi wajib". Gesaan untuk segera melakukan pendaftaran harta wakaf adalah selari dengan penemuan yang dibuat oleh Ngadimon (2015), Ibrahim (2000) dan Yaacob (2013) bagi mengelak konflik pada masa hadapan.

Menurut laporan Ketua Bahagian Wakaf MAIK, pembayaran daripada Madrasah Makarimul Akhlak tersebut adalah satu bentuk pengambilan tanah yang kemudiannya diwakafkan semula. Secara prosedurnya, MAIK kemudiannya telah dilantik menjadi mutawalli induk manakala pengurusan Madrasah Makarimul Akhlak pula dilantik menjadi wakil kepada MAIK, sebagai mutawalli cabang. Bidangkuasa pihak pengurusan Madrasah Makarimul Akhlak ini pula adalah selari dengan Seksyen 5 (2), Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam Negeri Kedah yang memperuntukan bahawa: "Jemaah Pengurusan hendaklah mentadbir semua aset dan harta Sekolah Islam bagi pihak Majlis".

Di Pondok Sungai Jagung yang diasaskan oleh Tuan Guru Haji Abdul Rahim @ Abdullah bin Abdul Rahman di Kampung Sungai Jagung, Mukim Padang Pusing, Pendang Kedah pula telah dinaik taraf menjadi Madrasah al-Nur. Pondok ini kemudiannya telah berpindah ke Kampung Gajah Mati Pendang, Kedah (Sobri @ Mutalib Awang 2018). Antara faktor utama pondok berkenaan dipindahkan ke Kampung Gajah Mati kerana Tuan Guru Haji Abdul Rahim @ Abdullah inginkan kawasan yang lebih luas dan selesa untuk didirikan bangunan bagi menyediakan sistem pengajian secara pondok dan moden. Dalam konteks mutawalli, Tuan Guru Haji Abdul Rahim @ Abdullah telah menubuhkan Lembaga Jawatankuasa Madrasah al-Nur dan dipengerusi oleh beliau sendiri. Segala keputusan yang hendak dibuat dalam aspek pengurusan adalah melalui mesyuarat Lembaga Madrasah al-Nur. Menurut mantan Setiausaha Madrasah iaitu Sobri @ Mutalib bin Awang, al- Nur, Lembaga Madrasah al-Nur akan melantik ahli jawatankuasa untuk jangka masa tertentu antara dua atau tiga tahun. Pada hari ini, pengurusan Madrasah al-Nur adalah didaftarkan di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS). Bagi tempoh tertentu, terdapat tiga orang dilantik sebagai pemegang amanah. Tujuan memasukkan ketiga-tiga penama tersebut ke dalam dokumen bertulis (geran) adalah untuk memastikan harta wakaf Madrasah al-Nur diurus tadbir dengan baik dan teratur. Lembaga Madrasah al-Nur adalah sebuah lembaga persendirian yang ditubuhkan untuk memantau dan memastikan pentadbiran dan pengurusan harta wakaf diurus mengikut tujuan asal tanah berkenaan diwakafkan. Kajian mendapati pelantikan mutawalli wakaf Madrasah al-Nur tersebut tidak berdaftar dengan MAIK, dan atas sebab itu segala aktiviti dan laporan minit mesyuarat tidak dihantar kepada MAIK. Sepatutnya, Lembaga Madrasah al-Nur melantik MAIK menjadi mutawalli induk, manakala Lembaga Madrasah al-Nur dilantik sebagai mutawalli cabang.

Merujuk kapada Madrasah al-Nahdzah atau sebelumnya dikenali sebagai Pondok Pak Man Bukit Besar, ia adalah merupakan salah sebuah pondok yang tertua di Negeri Kedah. Madrasah berkenaan diasaskan oleh Tuan Guru Haji Othman bin Yunus pada tahun 1946. Pada peringkat awal penubuhan pondok, Tuan Guru Haji Othman menjadi pemegang amanah harta wakaf berkenaan (Nasir Othman 2018) disebabkan pewakaf sendiri yang datang menemui beliau dengan membawa bersama dokumen tanah untuk wakafkannya secara khusus kepada Tuan Guru.

Kemudian Tuan Guru Haji Othman sebelum meninggal dunia, telah melantik tiga orang daripada kalangan anak-anaknya sebagai mutawalli wakaf. Waris-waris Tuan Guru kemudiannya telah menubuhkan Lembaga Pengurusan

Sekolah (LPS) untuk melantik tiga orang menjadi mutawalli wakaf. Mesyuarat LPS telah membuat keputusan bagi melantik tiga orang yang bertugas sebagai nazir amanah. Bagaimanapun pelantikan mutawalli wakaf Madrasah al-Nahdzah tidak menghadkan tempoh masa dan had umur. Sekiranya salah seorang daripada mutawalli berkenaan meninggal dunia, maka LPS akan mengadakan mesyuarat pemilihan mutawalli yang baharu untuk menggantikan kekosongan jawatan mutawalli berkenaan (Nasir Othman 2018).

Selain wakaf tanah untuk pondok, Madrasah al-Nahdzah juga menerima wakaf berbentuk tanah kebun dan bendang yang digunakan untuk menampung pembiayaan pengurusan pondok. LPS telah melakukan istibdal ke atas harta tanah ini dan menyimpannya dalam bentuk tunai (kira-kira RM2 juta) di mana hasil keuntungan yang diperolehi secara tahunan telah dimanfaatkan untuk kepentingan pondok seperti pembayaran gaji guru (Nasir Othman 2018). Menurut Nasir Othman (2018), istibdal wakaf dilakukan bagi tanah wakaf yang kurang mendatangkan manfaat dan digantikan dengan wakaf tunai yang lebih memberi nilai selari dengan niat asal pewakaf. Perkara ini selari dengan pandangan para fuqaha mengenai keharusan istibdal agar maslahat harta wakaf terus memebri nilai dan manfaat kepada maksud wakaf itu sendiri (Ibn Abdul Salam 1990; Yunus al-Masri 2009; Amin Hassan & Abdul Hadi 2002).

Dalam aspek upah pengurusan pula, Nasir Othman (2018) memaklumkan bahawa ahli LPS yang bertindak sebagai mutawalli cabang tersebut tidak diberikan elaun bulanan, sebaliknya hanya upah berdasarkan kepada perbelanjaan yang dilakukan. Menurut Nasir Othman (2018), "Orang yang menguruskan pondok atau harta wakaf di al-Nahdzah kita tak bagi elaun bulanan sebab dari zaman arwah Tok Guru lagi tak pernah bagi elaun, lagipun kita buat kerja ni memang semata-mata *lillah Ta'ala*...tetapi pengurus boleh buat claim kalau dia pakai guna duit dia dulu contohnya dia pakai duit dia dulu untuk baiki surau, baiki tandas atau tukar lampu lepah tu dia *claim* dengan LPS nanti kita akan bayaq balik...ataupun pengurus kena pi mesyuarat di Kuala Lumpur jadi dia boleh minta duit perbelanjaan perjalanan macam duit minyak kereta, duit hotel dan duit makan. Sekiranya dia guna duit dulu pi Kuala Lumpur lepah tu bila dia balik mai dia boleh *claim*."

Dalam amalan di Pondok Lanai yang terletak di Daerah Baling, Kedah atau kini dikenali sebagai Madrasah Misbahul Falah, kaedah pengurusan mutawallinya adalah hampir sama yang melibatkan mutawalli cabang. Pondok ini yang diasaskan oleh al-Marhum Tuan Guru Haji Omar Zuhdi bin Salleh pada sekitar tahun 1958 Masihi adalah berdaftar dengan Majlis Agama Islam Islam Kedah pada 15 April 1964 Masihi dengan nombor pendaftarannya No:10/64. Tapak pembinaan Pondok Lanai adalah hasil daripada sumbangan wakaf daripada masyarakat kepada Tuan Guru Haji Omar Zuhdi.

Dalam pelaksanaan wakaf di Pondok Lanai Tuan Guru Haji Omar Zuhdi telah menetapkan syarat kepada pewakaf, iaitu pewakaf mestilah membuat wakaf khas serta melantik Tuan Guru dan zuriat-zuriatnya sebagai mutawalli wakaf melalui surat ikrar supaya tiada isu yang berbangkit pada kemudian hari (Md Mukhtar 2018). Surat ikrar berkenaan dapat menjadi bukti bagi lantikan Tuan Guru dan zuriat-zuriatnya sebagai mutawalli wakaf khas dan terkandung juga niat pewakaf yang asal untuk dirujuk. Ia dilakukan menerusi dua kaedah, iaitu melalui surat ikrar, dan dokumen bertulis. Praktis ikrar ini selari dengan pandangan al-Zarqa' (1998), bahawa "hukum ikrar dengan berakad adalah sama seperti melakukan urusan akad itu sendiri. Justeru, sesiapa yang tidak sah wakaf dan pelaksanaannya maka tidak sah juga ikrar dan pelaksanaannya". Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Kedah 2008 memperuntukkan supaya surat ikrar sedemikian hendaklah diserahkan kepada MAIK sebagai pemegang surat berkenaan.

Pada hari ini, Madrasah Misbahul Falah ditadbir berdasarkan pengurusan harta wakaf persendirian dan mematuhi peruntukan Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman Enakmen tahun 1988 (No.8). Hasil temu bual dengan Mudir Pondok Lanai iaitu Ustaz Md Mukhtar (2018) menyatakan bahawa mutawalli yang dilantik bagi menguruskan harta wakaf akan dibayar saguhati dengan kadar yang termampu berdasarkan pengalaman mereka secara bulanan.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, terdapat beberapa bentuk pengurusan mutawalli ke atas harta wakaf pendidikan pondok yang difokus. Namun umumnya, undang-undang menghendaki semua harta wakaf

didaftarkan di bawah pemegang amanah tunggal iaitu MAIN. Di sini, MAIN akan menjadi mutawalli induk bagi sesuatu harta wakaf. Manakala harta wakaf yang tidak berdaftar dengan MAIK tidak dianggap sebagai wakaf dari perspektif Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam negeri-negeri.

Perlantikan mutawalli cabang pula hendaklah dalam pengetahuan MAIN supaya sebarang keputusan pengurusan dapat dilakukan secara tepat dan rasmi. Keperluan ini amat diperlukan khususnya bagi melaksanakan maksud Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam Negeri misalnya di Kedah (No.8 tahun 1988) yang memperuntukan bidang kuasa kepada MAIK bagi melantik mana-mana mutawalli cabang untuk menguruskan harta wakaf. Oleh itu, jawatankuasa pondok yang menguruskan harta wakaf tanpa kebenaran MAIK adalah menjadi satu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan penalti. Peruntukan tersebut menyatakan bahawa mana-mana orang yang mentadbir atau menguruskan wakaf am atau wakaf khas tanpa kebenaran bertulis daripada majlis atau perbadanan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM1000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Tujuan perlantikan dan pemantau perlantikan mutawalli ini penting supaya harta wakaf yang menjadi harta amanah diurustadbir dengan baik dan penuh kredibiliti. Mutawalli diharuskan mengambil upah atau bayaran atas perkhidmatan tetapi di atas dasar yang munasabah. Tindakan ini akan memastikan harta wakaf tidak disalahguna dan berlaku penyelewengan.

RUJUKAN

- Ab. Rahman, A. (2009), Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia, *Jurnal Syariah*, 17, 113-152.
- Abdul Khalim, M. dan Zakaria, N. H. (2012), Peranan Fatwa dalam Pengurusan Wakaf Negeri Johor, *Jurnal Pengurusan JAWHAR, Jabatan Perdana Menteri*, v. 6, 91-114.
- Abdul Latif, A. Z., Mohd Daud, N., Ismail, C. Z. (2008). Pengurusan Harta Wakaf dan Potensinya Ke Arah Pendidikan Umat Islam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR, Jabatan Perdana Menteri*. v. 2, 25-61.
- Abu Zahrah, M. (2009), *Muhadharat fi al-Waqf*, Darul Fikr al-Arabi, Kaherah.
- Al-'Asqālani, I. H. (1989), *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, Cetakan Dar al-Kutub al- Ilmiyyah, Beirut.
- Al-Jamal, A. A. & Abdul Azim, A.M. (2007). *Dawru Nizom al-Waqf al-Islāmi*, Kaherah: Maktabah Darul Salam.
- Al-Jasir, S. (2012). *al-Waqf wa Ahkamu fi Dhō' al-Shariah al-Islamiyyah*. Saudi: Madar al-Watan lil Nashr.
- Al-Nawāwi, Y. (1996), *Raudhah al-Thālibīn*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Razi, M. (1996). *Mukhtar al-Sihhah*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Al-Zarqa', M. A. (1999). *Madkhal ila Nazhoriyyah Iltizam al-Ammaah fi al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Al-Zuhayli, W. (2007). *al-Wasaya wa al-Waqff fi al-Fiqh al-Islami*. Damshiq: Dal al-Fikr.
- Amin Hassān, A. & Abdul Hadi, F. (2002). *Mawsu'ah al-Awqaf, Tasyri'at Qada' – Ifta' Fatawa Munz 1890 hatta 1997*. Egypt: Mansyaat al-Ma'ārif.
- Bukhari, A. A. A (t.t.). *Sahih al-Bukhari*. Kaherah : Dar wa Mutabi' al-Sha'bi.
- Encik Sobri @ Mutualib bin Awang (2018). Mantan setiausaha Madrasah al-Nur. Temubual pada Mac 2018.
- Hashim, H. dan Ab Rahman, A. (2013), Pengurusan Pembangunan Harta Wakaf Secara Komersil yang Dilaksanakan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan(MAIWPKL), *Jurnal Pengurusan JAWHAR, Jabatan Perdana Menteri*, v. 7, 119-138.
- Ibn Abdul Salam, I. (1990). *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Beirut: Muassasat al- Rayyan.
- Ibrahim, A. (2000). *The Administration of Islamic Law in Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ismail, N. (2012), Isu-Isu Perundangan dalam Pentadbiran Wakaf dan Zakat di Malaysia, *JAWHAR*, Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri, 53-78.
- JAWHAR (2009). Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Laldin, M. A., Mahmud, M. W. & Sawari, M. F. (2008). Maqasid Syariah dalam Pelaksanaan Wakaf, *Jurnal Pengurusan Wakaf, JAWHAR, Jabatan Perdana Menteri*, v. 2, 2-24.
- Manat, A. B. (2007). Isu-isu Semasa Berhubung Pembangunan Tanah Wakaf. *Jurnal Pengurusan Wakaf, JAWHAR, Jabatan Perdana Menteri*. v. 1, 53-70.
- Md Mukhtar bin Haji Omar Zuhdi (2018). Mudir Pondok Lanai. Temubual pada Mac 2018.

- Mohamad Rawi, M., Lubis, M. A., Baharudin, H., & Romli, S. A. (2015). *Institusi Pondok Dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pendidikan.
- Mohd Taib, M. S., Mujani, W. K., Yaakub, N. I. & Rifin, M. K. I. (2017). Wakaf Pendidikan di Malaysia: Suatu Pengenalan, *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017*. 389-395.
- Muhammad Salleh (2019). Penerus pengajian tertua di Kedah. [ww1.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my), carian pada 12/02/2019.
- Mumtaz Juhdi (2018). Mudir Madrasah Makarimul Akhlak. Temubual pada Mac 2018.
- Nasir bin Haji Othman (2018). Mantan Pengetua Madrasah al-Nahdzah. Temubual pada Mac 2018.
- Ngadimon, M. N. (2015), Pembangunan Wakaf: Pendanaan Melalui Sukuk Sustainable and Responsible Invesment (SRI), *Muzakarah Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan Di Malaysia Kali Ke11, anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), di Dewan Persidangan Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia (BNM)*, pada 12/11/2015. 1-21.
- Omar, I. (2016). *Menyubur Wakaf Korporat*, Dewan Ekonomi, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, j. 23, v. 11, 19-20.
- Siren, N. R., Abdul Ghani Azmi, I., Abdul Jalil, S. J. (2018). Kepelbagaian Pengurusan Sekolah Agama Rakyat di Malaysia. *Jurnal Tamadun*. 13, 45-56.
- Sulong, J. (2015). Pondok Education in Seberang Perai: Its Evolution and Uniquenes. *Kajian Malaysia*. 33, 75-90
- Yaacob, H. (2013). Waqf History and legislation Malaysia: A Contemporary Perspective, *Journal of Islamic and Human Advanced Research*, v. 3, 387-402.
- Yunus al-Masri, R. (2009). *al-Awqaf Fiqhan wa Iqtisadan*. Syria: Dar al-Maktabi.
- Zainal Badri, K. N. (2014). *Ketokohan dan Sumbangan Tuan Hussan Kedah dalam Bidang Pendidikan*. Kuala Lumpur: Pengedar Intepreneur.